

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN [LABUAN]

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa Labuan mencatatkan kadar penghuni setinggan tertinggi dalam negara. Ianya merupakan bom jangka bagi penyakit berjangkit di Pulau Labuan. Apakah Perancangan pihak Kementerian untuk memastikan Wilayah Persekutuan Labuan yang kecil itu menjadi bebas setinggan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, berdasarkan tafsiran Dewan Bahasa dan Pustaka, definisi setinggan merupakan penempatan di atas tanah Kerajaan secara haram. Kementerian amat prihatin dengan isu setinggan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah penduduk semasa di Wilayah Persekutuan Labuan adalah berjumlah 103,135 orang. Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai kepadatan penduduk seramai 10.29 per hektar dengan purata saiz isi rumah iaitu 4.62 orang bagi setiap rumah. Berdasarkan maklumat setinggan daripada Kementerian Perumahan dan kerajaan Tempatan pada tahun 2014, terdapat seramai 970 keluarga direkodkan yang mana sebahagiannya melibatkan penempatan di Pangkalan Kapor. Walau bagaimanapun, perkara ini telah lama diselesaikan dengan pemindahan semula penduduk yang terlibat.

Suka saya menjelaskan bahawa Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai beberapa skim penempatan bagi pelarian UNHCR dan merupakan pemegang IMM13. Untuk makluman, Kawasan penempatan skim ini telahpun di tentukan oleh agensi Kerajaan yang bertanggungjawab iaitu Majlis Keselamatan Negara yang mana melibatkan tanah-tanah Kerajaan di Kiamsam dan Kg. Muslim di Kg. Batu Arang. Justeru, isu dan kawalan membabitkan penempatan ini hendaklah dirujuk kepada agensi tersebut. Tidak dinafikan juga terdapat beberapa penempatan yang tidak dirancang melibatkan tanah persendirian dan swasta seperti di Kampung Saguking/ Gersik yang mana pemilik tanah menyedari perkara ini dan masih dalam perancangan untuk menyelesaikan penempatan tersebut.

Bagi menangani isu setinggan di Wilayah Persekutuan Labuan, kerjasama agensi diperlukan agar ianya diselesaikan secara kolektif dan menyeluruh. Antara agensi yang memainkan peranan dan tanggungjawab adalah seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis DiRaja Malaysia

(PDRM), Perbadanan Labuan (PL), Jabatan Imigresen, Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan dan lain-lain agensi yang berkaitan.

Bagi tujuan kawalan penempatan haram di atas tanah Kerajaan, Perbadanan Labuan bersama agensi berkaitan sentiasa melaksanakan aktiviti pemantauan berterusan agar tidak ada pencerobohan dan penempatan haram diadakan. Tanah-tanah Kerajaan yang berpotensi akan dimohon oleh agensi berkaitan untuk melaksanakan projek pembangunan, kemudahan awam dan infrastruktur atau pengekalan sebagai Kawasan hijau yang diwartakan.

Bagi penempatan yang melibatkan tanah individu dan swasta, Perbadanan Labuan akan sentiasa membantu pihak tersebut jika diperlukan. Bagi program pemindahan dan penempatan semula, pihak Kerajaan akan mengenalpasti perumahan-perumahan sedia ada, sedang dibina dan dalam perancangan yang boleh ditawarkan kepada penduduk yang layak.

Selain itu, skim penempatan sedia ada perlu ditambah baik dari segi persekitaran di bawah seliaan agensi yang bertanggungjawab agar tidak menimbulkan isu kesihatan dan keselamatan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.